

# Perdana Menteri rakam ucapan terima kasih

(1)

16 NOV 1991

LANGKAWI, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan Pameran Lima 91 yang tamat hari ini.

Perdana Menteri juga mengucapkan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, tentera serta penduduk Langkawi yang bertungkus lumus menjayakan pameran itu.

Berucap di majlis makan malam meraikan mereka yang terbabit

dalam Lima di sebuah hotel di sini, beliau turut mengucapkan tahniah kepada pasukan pertunjukan udara Taming Sari dan pasukan aerobatik Dick Rutan, dari Amerika Syarikat yang membuat persembahan menarik.

Pameran antarabangsa ulung di negara ini bermula Isnin lalu itu dikunjungi oleh kira-kira 50,000 orang.

"Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Raja Jaafar Raja Musa

kerana berjaya menjalankan tugasnya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras dengan berkesan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir turut merakamkan penghargaan kepada penganjur bersama pameran, Le Proton Sdn Bhd dan AR Format.

Perdana Menteri berkata, Lima berjaya memperkenalkan lagi pulau itu sebagai destinasi pelancongan kerana menerusi pameran itu, penduduk mendapat pelbagai manfaat dan faedah hasil pembangunan.